

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 19 NOVEMBER 2014 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Pidato siber guna telefon	Harian Metro
2.	5 disiplin ilmu	Harian Metro
3.	Govt incentives for startups	The Star
4.	Angin kencang, laut bergelora di perairan Kelantan, Terengganu	BERNAMA
5.	Langit gelap di Tanah Suci fenomena biasa	Berita Harian
6.	Met Dept: Storms to lash east coast	The Star
7.	Four rivers in Penang on the brink of overflowing	The Star
8.	Episod hujan lebat pertama hujung bulan	Harian Metro
9.	Maklumat cuaca lebih mudah	Kosmo
10.	TPM berjaya bantu 3,000 syarikat	Kosmo
11.	JKM optimis perluaskan produk inovasi	Berita Harian
12.	TPM unjur peningkatan 5% sumbangan kepada KDNK	Harian Metro
13.	500 attend coaching carnival at Technology Park Malaysia	The Malay Mail
14.	Camerons integrated woes need holistic analysis	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (IT@Metro): MUKA SURAT V7
TARIKH: 19 NOVEMBER 2014 (RABU)

Pidato siber guna telefon

Lebih 500 pelajar sekolah menengah berkumpul dan menyaksikan acara kemuncak pertandingan pidato keselamatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kebangsaan, Piala Cabaran CyberSAFE (#NICTSED14), baru-baru ini yang dimenangi Sekolah Datuk Abdul Razak Seremban, Negeri Sembilan.

Ia dianjurkan sempena acara Anugerah, Persidangan dan Pameran - Keselamatan Siber Malaysia (CSM-ACE) 2014 yang berlangsung, baru-baru ini.

Sekolah berkenaan membawa pulang wang tunai RM5,000, medal dan sijil penyertaan manakala peminat terbaik pula dimenangi Adam Haikal dari Negeri Sembilan yang memenangi wang tunai RM1,000.



JUARA dari Sekolah Datuk Abdul Razak, Seremban, Negeri Sembilan menerima hadiah daripada Abu Bakar (dua dari kanan).

Kira-kira 80 peserta daripada 16 pasukan mengambil bahagian dalam pidato #NICTSeD yang menjadi pertandingan perbincangan antara sekolah menampilkan tahap persaingan yang tinggi dan 'sentuhan siber' membolehkan peserta menggunakan Internet dan perkakasan mudah alih dalam persediaan, per-

sembahan dan pembelaan.

#NICTSeD14 memerlukan analisis perbandingan dan pemahaman isu keselamatan ICT seperti buli siber, pro dan kontra penggunaan media sosial serta plagiarisme.

Hadiah disampaikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (HATI) : MUKA SURAT H16
TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)

5 disiplin ilmu

Festival Pembelajaran Steam didik kanak-kanak mengenai kepentingan sains, teknologi, kejuruteraan, seni dan matematik

Oleh Faizatul Farlin Farush Khan
ffarlin@hmetro.com.my

Pendidikan sememangnya amat penting untuk menjamin masa depan yang lebih baik kerana melalui ilmu yang diterapkan, kanak-kanak akan membesar menjadi insan lebih sempurna dalam pelbagai aspek.

Sehubungan itu, pusat perkembangan kanak-kanak, The School yang terletak di pusat beli-belah Jaya One melancarkan Festival Pembelajaran Steam sebagai satu inisiatif pendidikan untuk mendidik kanak-kanak mengenai kepentingan sains, teknologi, kejuruteraan, seni dan matematik (Steam).

Steam adalah lanjutan daripada subjek Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik dan Seni yang merupakan satu bentuk pembelajaran berdasarkan kurikulum yang mendapat perhatian sejak sekian lama terutama di Amerika Syarikat.

Pengarah Eksekutif Tetap Tiara Sdn Bhd, Charles Wong iaitu pemaju Jaya One dan The School berkata, festival itu adalah inisiatif bagi menyediakan satu platform untuk membolehkan kanak-kanak diperkenalkan dengan kehebatan lima disiplin ilmu yang wujud dalam kehidupan seharian.

Katanya, festival itu menawarkan peluang memupuk potensi kanak-kanak dan membantu mereka cemerlang dalam pelbagai bidang.

"Kami berasa amat bersyukur kerana memiliki ramai pendidik yang begitu bersungguh-sungguh dan mempunyai visi sama bagi menyebarkan pendidikan berkualiti untuk masa depan yang lebih baik," tambahnya.

Antara peserta pameran yang mengambil bahagian ialah Roboticist, Science Bridge Academy, FI In Schools, Development for Schools (Seeds), Universiti Teknologi MARA (UITM), IACT College, Yamaha Music School, Learning Fresh dan Vivas Magic.

Festival itu juga menjadi pelengkap kepada program 'Science to Action' (S2A) kerajaan dalam usaha memupuk minat generasi muda terhadap sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik yang diadakan dengan subjek seni.

Hasrat acara itu adalah mendorong generasi muda supaya memilih 'Steam' sebagai cabang kerjaya mereka. Integrasi seni ke dalam program itu juga diharap dapat menggalakkan lagi kreativiti yang boleh mendorong kepada pembinaan generasi pencipta.

Acara itu yang dirasmikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berlangsung sepanjang Oktober hingga Disember ini.

Festival itu diserikan dengan kehadiran Pengerusi Eksekutif Infrastruktur Komunikasi Konsortium Jaringan Selangor (KJS), Datuk Ikhsan Salim.

Untuk maklumat terkini mengenai Festival Pembelajaran Steam, sila layari laman web www.theschool.my atau laman Facebook The School di www.facebook.com/theschool.my.

DR Abu Bakar
melancarkan
Festival
Pembelajaran
Steam.



DR Abu Bakar
tertarik dengan
permainan
robot.

Govt incentives for startups

Tax breaks and exchange programmes among efforts to promote setting up of tech companies



By JOY LEE
joylmy@thestar.com.my



SILICON Valley has long been known as a hub for high-tech innovation. The southern part of the Bay Area is home to many of the world's largest companies and thousands of startups including Facebook, Google and eBay.

But Silicon Valley was not an overnight success story. It took decades of government funding and support to make it the vibrant tech cluster it is today.

Policymakers play an important role in supporting the growth of a startup ecosystem. Be it in funding research and technologies or in building infrastructure, government help create ideal conditions for innovation and commercialisation.

In Malaysia, the government has announced various initiatives, including financial allocations, over the years to groom entrepreneurship and support the startup ecosystem.

In the Budget 2015 speech, the Prime Minister noted the government's aspiration to position Malaysia as a choice location for startups in the region.

And among its efforts to achieve this target is the establishment of Malaysian Global Innovation & Creativity Centre (MaGIC) to create a more conducive ecosystem for startups.

Financial assistance

One of the most crucial ingredients for the development of startups is funding and several government agencies have been established



Ample opportunity: Malaysia provides many initiatives to fund startups. Recently Axiata Group Bhd launched Axiata Digital Innovation Fund, a RM100mil venture capital fund, with Malaysia Venture Capital Management Bhd (Mavcap). Its group president and group chief executive officer Datuk Seri Jamaludin Ibrahim (right) is seen here exchanging document with Mavcap chief executive officer Jamaludin Bujang (left). Looking on are Khazanah Nasional Bhd managing director Tan Sri Azman Mokhtar and Prime Minister Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

to dispense pre-seed and seed funding to enable startups to transform ideas into commercially viable products and ventures.

These agencies include not-for-profit organisation Cradle Fund Sdn Bhd and venture capital company Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP), both under the purview of the Finance Ministry.

As a VC, Mavcap makes direct investments with fund size ranging from RM1mil to RM20mil and participates actively in the management and operations of these companies.

Mavcap also invests through its Outsource Partners Programmes, whereby it allocates capital to other VC fund management compa-

nies to invest in high-growth businesses.

Cradle offers a maximum seed funding of up to RM500,000 to help technology companies attain commercialisation.

Tax incentives

The government has also introduced tax breaks to encourage private investments in startups as well as promote the setting up of high-tech companies in Malaysia.

For example, the Angel Tax Incentive allows angel investors who have invested in early-stage startups to qualify for tax exemption. This would indirectly see more fund flows to startups and also encourage eligible angels to

participate in the ecosystem.

There are incentives for ventures that have obtained MSC Status including a 100% investment tax allowance and duty-free importation of multimedia equipment.

Building skills

Various programmes have also been initiated to build entrepreneurial and technical skills as well as encourage interest among the local community to venture into the startup scene.

MaGIC recently launched its partnership with Stanford University, which, among its programmes, would send entrepreneurs to Silicon Valley for a two-week immersion programme.

The partnership will also see an exchange programme whereby local entrepreneurs will be able to learn from the Stanford faculty on marketing and commercialising their ideas.

Another significant component of the partnership is the "Faculty Train Faculty" Programme where faculty members from 14 local universities will be sent to Stanford over the next three years to help them develop impactful and creative entrepreneurship programs in their respective universities.

Early this year, MDeC announced its MSC Malaysia Startup Accelerator Lite programme to help early-stage ICT startups map out and accelerate their goals.

MDeC is also working with partners such as JFDI Asia, a regional startup accelerator, to help mature and globalise the local startup community.

Government agencies are actively seeking partnerships with startup communities and small and medium companies in other countries to provide local startups with an opportunity to learn from and potentially partner with startups abroad as well as explore other markets.

■ This is the sixth instalment of MetroBiz's tie-up with Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) to explore startup ecosystems.



Angin Kencang, Laut Bergelora Di Perairan Kelantan, Terengganu

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora (kategori pertama) di perairan Kelantan dan Terengganu dijangka berterusan sehingga esok.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi](#), angin Timur Laut bertiup dengan kelajuan 40 dan 50 kmsj dengan ombak boleh mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

Keadaan ini berbahaya kepada bot kecil, aktiviti rekreasi laut dan sukan laut.

Selain itu, kawasan pantai di Kelantan dan Terengganu terdedah kepada kenaikan paras air laut dan keadaan ini dijangka berterusan sehingga esok.

Sementara itu, ribut petir yang boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter di perairan Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur dijangka berterusan sehingga awal malam ini dan keadaan ini berbahaya kepada bot kecil.

-- BERNAMA



Kepulan awan tebal yang berada hampir dengan permukaan bumi disifatkan fenomena biasa susulan permulaan musim sejuk melanda Makkah.

Langit gelap di Tanah Suci fenomena biasa

» Pergerakan angin barat daya dari Laut Merah lindungi pancaran cahaya matahari

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Langit kemerahan waktu siang dengan suasana malam lebih panjang menyelubungi Makkah ketika ini, disifatkan fenomena biasa susulan permulaan musim sejuk melanda kota suci itu pada penghujung tahun.

Cuaca dingin itu dijangka berlarutan hingga Mac tahun depan, turut dipengaruhi kepulan awan tebal yang berada hampir dengan permukaan bumi, berikutan pergerakan angin barat daya dari Laut Merah, sekali gus melindungi pancaran matahari.

Ketua Seksyen Iklim dan Hidrologi Jabatan Meteorologi Malaysia, Abdul Razak Abdul Malek, berkata selain cuaca, waktu siang di Makkah pada hujung tahun menjadi lebih singkat iaitu kira-kira tujuh jam.

Beliau berkata, perubahan cuaca secara tidak langsung meningkatkan kelembapan udara sekitar Tanah Suci sehingga 59 peratus, selain ada kemungkinan mengalami hujan batu berskala kecil.

"Langit di Tanah Suci akan bertukar redup dan seakan-akan kemerahan kerana kepulan awan tebal melindungi pancaran cahaya mata-

hari daripada sampai ke permukaan tanah.

Fenomena biasa di Makkah

"Ini fenomena biasa di Makkah. Justeru, tiada apa yang perlu dibimbangkan, kerana keadaan akan kembali normal sebaik cuaca sejuk berakhir iaitu pertengahan Mac," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Perubahan cuaca di Tanah Suci itu menarik perhatian ramai berikutan penyebaran klip video menerusi aplikasi WhatsApp dan laman sosial yang memaparkan keadaan langit kelihatan kabur dan kemerahan, dipercayai dirakamkan di pekarangan Masjidil Haram.

Sorotan hampir seminit itu dikhuatiri mencetuskan kekeliruan dalam kalangan jemaah ibadat umrah kerana fenomena berkenaan digembar-gemburkan sebagai antara petanda kiamat.

Pengerusi Eksekutif Andalusia Travel & Tours Sdn Bhd, Datuk Md Daud Che Ngah, ketika mengulas tanggapan itu, berkata ada banyak

petanda kiamat yang masih jelas berbanding perubahan cuaca, namun tidak diendahkan umat Islam.

"Penularan masalah sosial seperti zina dan imej Islam dicemuh dengan sesuka hati, rentetan penguatkuasaan majlis agama yang dilihat semakin lemah adalah contoh jelas mengenai kiamat seperti digambarkan dalam al-Quran," katanya.

Bagaimanapun, katanya, perubahan cuaca di Makkah itu sudah dimaklumkan kepada kira-kira 230 jemaah yang bakal memulakan perjalanan ke Tanah Suci itu pada hujung minggu ini untuk mengerjakan umrah, bagi mengelak sebarang kesulitan terutama kesihatan diri.

"Perkembangan cuaca di Makkah perlu diberitahu lebih awal kepada jemaah supaya mereka tidak panik dan lebih bersedia dengan kelengkapan yang perlu," katanya.


Md Daud berkata, jemaah boleh membawa kain ihram yang lebih tebal sebagai penyelesaian alternatif sekiranya tidak tahan cuaca sejuk di Makkah.

Sementara itu, cuaca mendung dan langit kemerahan di Makkah, kembali cerah pagi kelmarin, susulan hujan yang dialami sekitar kota suci itu.

Solat hajat

Selain itu, Kerajaan Arab Saudi turut menganjurkan solat hajat bagi memohon agar cuaca mendung yang dialami sejak beberapa hari lalu kembali pulih.

Konsul Jeneral Malaysia di Arab Saudi, Mohd Khalid Abbasi Abdul Razak, menyifatkan hujan lebat dan ribut pasir berikutan angin barat daya yang melanda Jeddah serta Makkah pada Ahad lalu adalah fenomena biasa.



Keadaan di Jeddah kembali normal selepas fenomena cuaca luar biasa di Makkah.

Hujan lebat di sekitar Jeddah menyebabkan banjir.

SAMBUNGAN...
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 09
TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)



Dua maut, harta benda rosak akibat banjir

Jeddah: Dua maut, manakala banyak kenderaan dan kediaman milik penduduk rosak akibat banjir susulan hujan lebat sekitar Makkah dan Jeddah, kelmarin.

Seorang penduduk maut terkena kejutan elektrik di kawasan banjir di Jeddah, manakala runtuh dinding bangunan di Makkah, menyebabkan seorang pekerja terbunuh dan beberapa mangsa cedera.

Kejadian litar pintas

Bilik operasi Pertahanan Awam di Jeddah menerima 1,500 panggilan daripada penduduk yang melaporkan kejadian litar pintas. Di Makkah, perkhidmatan sama menerima 3,500 panggilan mengenai kemalangan kecil, kecederaan dan banjir di Hada.

Jurucakap Pertahanan Awam di

Makkah, Kolonel Saeed Sarhan, berkata pihaknya sedang berusaha menangani kejadian litar pintar serta memantau perkembangan banjir.

"Pertahanan Awam bersedia sedia berdepan musim hujan dengan menubuhkan 32 pusat operasi selain menghantar beberapa pasukan penyelamat ke lokasi berisiko banjir sekitar perbandaran Jeddah," katanya.

Saeed turut menasihatkan orang ramai tidak ke kawasan lembah dan pantai terbuka untuk sementara khususnya di kawasan Taif, Khulais dan Al-Jamom.

Nafi letupan gunung berapi

Pada masa sama, pasukan itu menolak dakwaan yang tersebar menerusi media sosial kononnya berlaku letupan gunung berapi di selatan Makkah.

Sebaliknya, asap yang tercetus itu datangnya dari sebuah kawasan pelupusan sampah, jauh daripada penduduk dan pergunungan.

Jabatan Trafik Jeddah, Wasil Al-Harbi, berkata anggotanya dikerah menjaga kesesakan lalu lintas dan kemalangan sekitar Jeddah.

Sementara itu, pihak berkuasa penerbangan awam berkata, setakat ini hujan tidak menjejaskan operasi Lapangan Terbang Antarabangsa Raja Abdul Aziz, tetapi angin kencang menimbulkan masalah kepada operasi di Pelabuhan Islam Jeddah.

AGENSI



Keadaan kembali normal selepas fenomena cuaca luar biasa di Makkah.



Met Dept: Storms to lash east coast

Residents advised to prepare for heavy rain, strong winds and floods



Danger below: People stopping to see a flooded road underneath the Jalan Kuantan bypass in Bandar Indera Mahkota, yesterday.

PETALING JAYA: People in the east coast have been advised to brace themselves for wet weather and strong winds, which could result in floods in these areas.

The Malaysian Meteorological Department said Kelantan, Terengganu, Pahang and Johor would experience heavy rainfall lasting for days.

"The North East Monsoon rain will start from Kelantan and Terengganu and shift south to Pahang and Johor in December and January.

"Sabah and Sarawak will experience heavy rainfall in January and February," the department said in an email to *The Star*.

It said heavy rain was also expected in Kedah, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan and Malacca if the monsoon surge was strong.

The rainy northeast monsoon season began on Nov 7 and is expected to end in March next year.

On the expected rainfall, it would be the usual amount during this time of the year.

"The areas with rainfall expected to exceed 500mm are East Kelantan, Terengganu and Kapit, Sarawak, while in December, Kelantan, Terengganu and East Pahang would have rainfall exceeding 500mm," the statement read.

In addition to the continuous heavy rain, people in the east coast and Sarawak would also face rough seas and strong winds during the monsoon.

Low-lying areas and riverbanks, which were flooded during the previous monsoon seasons, are likely to be flooded again.

Four rivers in Penang on the brink of overflowing

GEORGE TOWN: Four rivers in Penang recorded above-normal levels as the state braces for a wet patch again over the next few days.

On its infobanjir.water.gov.my portal the Drainage and Irrigation Department (DID) revealed Sungai Junjung in Simpang Empat having a water level of 1.57m (above mean sea level).

The reading at 2.30pm was above the normal 1.50m.

Kolam Sungai Dondang in George Town was 19.83m as opposed to the normal 18m. At the Sungai Jawi sta-

tion in Nibong Tebal, it was 1.96m at 2.30pm, a slight increase compared to the normal 1.75m.

An increase was also recorded at the Sungai Jarak station in Butterworth – 2.96m against the normal 2.8m.

A check with the Meteorological Department showed that Penang could face a wet spell until Monday.

In Kuantan, the state DID said water levels at rivers had yet to reach the danger point although heavy rainfall was expected to last until today.

However, rainfall precipitation in five areas had reached the danger level.

The areas were Bukit Rangin (105mm), Indera Mahkota (93mm), Pasir Kemudi (84mm) and Cherating (90mm).

The rainfall in Ladang Mentiga (53mm), Sungai Lembing (43mm) and Bukit Sagu (73mm) reached the caution level.

State secretary Datuk Seri Muhammad Safian Ismail said that the government was prepared for floods in Kuantan, Rompin and Pekan.

He said to avoid a repeat of last year's chaotic evacuations, five zones were identified as centralised relief centres. These zones were not flood-prone areas and would continue to have electricity supply.

Two days of food and supplies would also be delivered directly to the relief centres, bypassing the forward bases.

In Nusajaya, Johor Health and Environment committee chairman Datuk Ayub Rahmat said the Meteorological Department was on the alert and closely monitor-

ing dams.

Ayub said that among the flood-prone areas were Segamat, Batu Pahat, Tebrau as well as Gelang Patah.

Meanwhile Syarikat Air Johor (SAJ) Berhad has set up its own emergency response team to safeguard its 44 water treatment plants and more than 20,000km of pipes in the state.

Its corporation communication chief Jamaluddin Jamal said the team would ensure its electronic systems would not be damaged.

Episod hujan lebat pertama hujung bulan

Kuala Lumpur: Musim Monsun Timur Laut yang bermula sejak awal bulan ini bakal memberi kesan banjir kepada penduduk terutama di kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia berikutan pertambahan hujan.

Pegawai Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) Bahagian Pusat Cuaca Nasional Ambun Dindang berkata, episod hujan lebat pertama dijangka berlaku penghujung bulan ini yang akan melanda negeri Kelantan, Pahang, Terengganu dan Johor.

“Negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia mengalami beberapa episod hujan lebat yang menga-

kibatkan kejadian banjir.

“Bagaimanapun, tiupan angin monsun itu dijangka bergerak ke arah Sabah dan Sarawak pada penghujung Disember sehingga awal Januari depan dengan membawa hujan lebat,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, walaupun negara dijangka mengalami Monsun Timur Laut yang normal, namun setiap episod hujan lebat boleh menyebabkan kejadian banjir terutama di kawasan lembangan sungai.

“Dalam tempoh monsun ini, keadaan atmosfera begitu tidak stabil dan memudahkan pembentukan awan komulonimbus yang

banyak dan besar.

“Awan komulonimbus yang besar dan banyak selalunya menurunkan hujan dengan jumlah banyak.

“Sekiranya hujan yang turun melebihi satu hingga dua hari secara berterusan, banjir boleh berlaku,” katanya.

Ambun berkata, tempoh monsun Timur Laut juga terjejas teruk sekiranya luruan monsun terjadi iaitu pertembungan angin sejuk dari tengah benua China yang bergerak keluar mengakibatkan episod banjir.

“Udara sejuk itu bergerak keluar dari tengah benua China merentasi Lautan China Selatan seterusnya bergabung dengan an-

gin lembap lautan pasifik sebelum menuju ke Semenanjung.

“Dari semasa ke semasa, ledakan keluar udara sejuk yang kuat (luruan monsun) ini saling bertindak dengan sistem tekanan rendah atau siklon yang terbentuk berhampiran Khatulistiwa, menghasilkan angin kencang dan laut bergelora di Laut China Selatan serta hujan lebat di pantai timur Semenanjung Malaysia dan juga di pantai barat Sarawak,” katanya.

Menurutnya, orang awam dinasihatkan supaya sentiasa mengikuti perkembangan cuaca semasa dan amaran cuaca buruk yang dikeluarkan agensi yang berkenaan.



KERATAN AKHBAR
KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 33
TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)

apppilihan



APLIKASI Weather direka dengan ikon grafik yang cukup menarik.

Maklumat cuaca lebih mudah

SEJAK kebelakangan ini, keadaan cuaca di Malaysia semakin tidak menentu ekoran perubahan monsun.

Situasi itu menyebabkan orang ramai mula tertarik untuk mengetahui ramalan kaji cuaca di sesuatu kawasan bagi memudahkan urusan harian mereka.

Selalunya, ramalan kaji cuaca di negara ini akan dikeluarkan oleh **Jabatan Meteorologi** dan ia akan dihebahkan menerusi televisyen atau akhbar.

Kini, seiring dengan perkembangan teknologi, orang ramai boleh mendapatkan ramalan kaji cuaca di hujung jari menerusi telefon pintar atau gajet.

Melalui aplikasi Weather, maklumat cuaca di pelbagai lokasi dapat diketahui dengan lebih mudah dan cepat.

Tambah menarik, aplikasi yang dibangunkan oleh MacroPinch ini juga membolehkan pengguna mendapatkan maklumat ramalan kaji cuaca untuk setiap jam dan setiap minggu di pelbagai lokasi.

Kemudahan ini, pastinya memudahkan orang ramai untuk membuat perancangan awal sebelum mereka melakukan sebarang aktiviti luar.

Di samping itu, aplikasi ini juga direka dengan ikon grafik dan berwarna bagi memastikan pengguna tidak mudah bosan.

Penggunaan ikon tersebut juga memudahkan pengguna mendapatkan maklumat cuaca dengan hanya melihat tanpa perlu membaca.

Selain ramalan kaji cuaca, aplikasi yang ditawarkan secara percuma ini juga memaparkan info suhu.

Pengguna boleh memilih sama ada ingin menggunakan pengukuran suhu dalam darjah Celsius atau Fahrenheit.

Aplikasi ini masih dalam proses penambahbaikan, sekiranya pengguna mempunyai cadangan atau komen, sila layari laman Twitter, <http://twitter.com/macropinch>.

Pengguna telefon pintar atau gajet Android boleh memuat turun aplikasi ini secara percuma menerusi carian Weather di Google Play.

TPM berjaya bantu 3,000 syarikat

KUALA LUMPUR - **Taman Teknologi Malaysia (TPM)** telah berjaya membantu lebih 3,000 syarikat dan perusahaan yang melibatkan pelaburan kira-kira RM1 bilion daripada segi penyediaan infrastruktur bertaraf dunia dan ekosistem menyeluruh.

Pengerusinya, Datuk Nasarudin Hashim (**gambar**) berkata, pada tahun lalu, jumlah pendapatan yang dijana perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui bantuan TPM itu mencatatkan lebih RM8.21 bilion.

Nilai eksport pula mencecah sehingga RM600 juta dengan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar berjumlah RM6.46 bilion.

"Dengan memanfaatkan kekuatan

dalam bidang sains, teknologi dan inovasi, TPM terkenal dengan pendekatan dan sumbangan strategiknya untuk memperbaiki serta memperkukuhkan kerjasama antara perniagaan, industri termasuk institusi pendidikan yang bertujuan meningkatkan kualiti hidup seiring pertumbuhan sosio-ekonomi di Malaysia.



"Sehubungan dengan visi dan misi berkenaan, TPM menerusi Pusat Inkubasi Inovasi telah menganjurkan Karnival Coaching & Mentoring 2014 yang mendapat penyertaan lebih 500 peserta.

"Karnival yang bermula semalam (kelmarin) itu bertujuan untuk menawarkan usahawan khususnya kepada PKS mengenai kaedah pembangunan dan penyelesaian

yang komprehensif dalam usaha untuk memperoleh pengetahuan agar lebih berdaya saing," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan semalam.

Jelas Nasaruddin, karnival tersebut merupakan yang pertama pernah diadakan di negara ini kerana ia berkonsepkan persekitaran berbentuk karnival.

"Kami mengetengahkan seramai 20 jurulatih untuk membimbing, memberi nasihat dan menyampaikan kepakaran mereka dalam pelbagai disiplin perniagaan.

"Ia bermula daripada aspek pemasaran, transformasi perniagaan, pengurusan kewangan untuk aplikasi teknologi komunikasi maklumat, undang-undang harta intelek dan projek pengurusan," ujarnya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 12
TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)



Mei Fun (kiri) menyampaikan **Anugerah Inovasi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 2014** kepada Pengarah JKM Pulau Pinang, Dr Zaitol Salleh pada majlis Hari Inovasi JKM di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG/BH]

JKM optimis perluaskan produk inovasi

Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) optimis dalam mengkomersial dan memperluaskan produk inovasinya sejajar agenda transformasi negara dalam penghasilan mutu perkhidmatan yang berinovatif dan kreatif.

* Menteri Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata pihaknya menerima peruntukan RM1.7 juta menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi melaksanakan program *Women Innovate* di bawah Cabaran Inovasi Inklusif.

"Peruntukan ini diguna untuk membangunkan produk inovasi yang direka cipta oleh pejabat JKM daerah dan institusi di bawah JKM.

"Sebagai permulaan, JKM akan bekerjasama dengan Technology Park Malaysia (TPM) yang ada kepakaran untuk mengkomersialkan 10 produk inovasi jabatan ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Timbalannya, Datin Paduka Chew Mei Fun pada majlis perasmian Hari Inovasi JKM 2014, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah JKM, Datuk Noraini Mohd Hashim.

Tandatangan memorandum

Pada majlis itu, jabatan berkenaan turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan TPM untuk bekerjasama menghasilkan lebih banyak produk inovasi yang berupaya menembusi pasaran.

Sementara itu, Noraini berkata, Hari Inovasi JKM bagi mengiktiraf usaha kakitangan jabatan itu dalam membudayakan penghasilan produk inovasi.

"Setakat ini, warga JKM berjaya mencipta 10 produk inovasi, antaranya untuk keperluan harian, barangan wanita dan alat bantuan orang kelainan upaya," katanya.

Katanya, Anugerah Inovasi JKM kali ini turut mempertandingkan enam kategori, iaitu anugerah inovasi pengurusan perhubungan pelanggan, teknologi maklumat dan komunikasi, pengurusan kewangan, keceriaan institusi serta sosial dan kreatif.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES): MUKA SURAT 45
TARIKH: 19 NOVEMBER 2014 (RABU)



NASARUDIN di Karnival Coaching & Mentoring 2014.

TPM unjur peningkatan 5% sumbangan kepada KDNK

Kuala Lumpur: Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) mengunjurkan peningkatan lima peratus sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding RM6.46 bilion yang dicatatkan pada tahun lalu menerusi perkembangan aktiviti usahawan teknologi tempatan.

Setakat ini, TPM berjaya membantu lebih 3,000 syarikat dan perusahaan yang membabitkan pelaburan melebihi RM1 bilion daripada segi penyediaan infrastruktur bertaraf dunia dan ekosistem.

Pengerusinya, Datuk Nasarudin Hashim berkata, setakat 2013, jumlah pendapatan yang dijana oleh pemain industri kecil dan sederhana (PKS) melalui bantuan TPM melebihi RM8.21 bilion dengan jumlah eksport hampir RM600 juta.

Beliau berkata, pendapatan

dan jumlah eksport itu dijangka tumbuh secara signifikan pada tahun ini walaupun ekonomi semasa berada pada tahap mendatar tetapi masih memberi keupayaan kepada pertumbuhan perniagaan industri teknologi.

"Di TPM kita memberi tumpuan kepada sektor teknologi maklumat, bioteknologi, halal dan kejuruteraan yang mana kesemua cabang industri ini menunjukkan perkembangan positif terutama teknologi maklumat yang mana ada usahawannya mula menerokai pasaran asing.

Karnival Coaching & Mentoring 2014 adalah kali pertama diadakan TPM bagi membantu usahawan tempatan untuk mendedahkan mereka dalam aspek pembangunan serta penyelesaian komprehensif dalam perniagaan bermula pada 18 dan 19 November ini.



Datuk Nasarudin Hashim

Pengerusi TPM


Setakat 2013, jumlah pendapatan yang dijana oleh pemain industri kecil dan sederhana (IKS) melalui bantuan TPM melebihi RM8.21 bilion dengan jumlah eksport hampir RM600 juta"

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (MONEY) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)

500 attend coaching carnival at Technology Park Malaysia

KUALA LUMPUR — The inaugural Coaching & Mentoring Carnival 2014 held at **Technology Park Malaysia (TPM)** starting yesterday has attracted an overwhelming response of over 500 participants who are keen in seeking solutions towards their personal improvement and business transformation. Organised by TPM's Innovation Incubation Centre, the two-day event is aimed at offering entrepreneurs and businesses, especially small-and-medium enterprises (SMEs), a development tool and comprehensive

solutions in their quest to acquire the necessary knowledge to gain a competitive edge. Speaking at the official opening of Coaching & Mentoring Carnival 2014, TPM chairman Datuk Nasarudin Hashim said the overwhelming response was a positive indicator of Malaysian entrepreneurs to continuously keep abreast of latest available tools to stay ahead of competition. "This event is the first such coaching and mentoring carnival ever held in the country," said Nasarudin.



Held at Technology Park Malaysia, the Coaching & Mentoring Carnival 2014 is aimed at offering entrepreneurs and businesses, especially SMEs, a development tool and comprehensive solutions in their quest to acquire knowledge and a competitive edge.

Camerons integrated woes need holistic analysis

BETTER PLANNING:

Scientific use of systems analysis can reverse the vicious cycle that the highlands are in

IHAVE only been to Cameron Highlands once. That was to participate in a retreat organised by the Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti).

We brainstormed on the strategic direction for science for the coming 11th Malaysia Plan.

Although that was the first time I had the opportunity to visit the

highland resort, what I saw was disconcerting.

It was a contrast to what had been written. I failed to notice the charm often described. To me, sensible planning was visibly absent. As we approached the highlands from the Gua Musang-Ipoh highway, we could see the mushrooming of vegetable plots everywhere. Disorganised and cluttered.

We could see the steep slopes of the highlands being shaved clean, ready for building the infrastructure to grow strawberries. Yes, strawberries have become a major attraction to this highland resort. But at what cost?

I am sure, like me, not all Malaysians have had the chance to visit Cameron Highlands. But I believe many have heard about this pristine highland resort.

During the days of the British,

the highlands was the closest getaway place that colonial officers could experience a cool environment like home in the United Kingdom.

Yes, those who visited the highland in the 1960s and 1970s would vouch that it was just like going to London.

However, sadly, as we approached the 1990s, Cameron Highlands was no longer the cool place that many had earlier flocked to, just to have a taste of the climate. It has become warmer these days.

Some blame it on the warming that the world has now become accustomed to.

There are those who blame it on the rampant illegal logging of the highland forest, which many be-

lieve helped cool the resort.

Either way, the highlands are fast losing its natural attraction as a place to escape the heat of the cities.

Unless immediate remedial action is taken, the highlands are destined to squander on its many opportunities in the coming years.

It is still not too late to revive the glory of the highland resort. It is not impossible to redevelop the place where strawberry and vegetable growing can coexist with tourism as a money-earner for the township, while enjoying sustainable electricity from hydropower and clean water from the dam.

In fact, through better planning, even the constant threat of flash

flooding will become a matter of the past. The secret, lies in the intelligent deployment of the systems approach to develop win-win opportunities for the key economic activities of the resort, tourism and strawberries.

The use of systems analysis to craft development planning has gained traction in recent years.

The International Institute of Applied Systems Analysis (IIASA), which is headquartered in Vienna, Austria, has been aggressively promoting the concept of applied systems analysis to understand the integrated nature of most of the world problems.

Last year, the institute released its Global Energy Assessment report at the Rio+20 meeting.

It is now in the midst of preparing the Global Water Report.

→ Continued next page



Dr Ahmad Ibrahim
is fellow of the
Academy of
Sciences Malaysia

A nexus of water, food and energy problems

→ From Page 14

Malaysia is an active member of the IIASA council through the Academy of Sciences Malaysia. Other members include the United States, Russia, Ukraine, Germany and a number of European coun-

tries. The only other Asean countries that are members include Indonesia and Vietnam.

A systems approach involves analysing problems in an integrated manner. Through the development of robust mathematical models, a systems approach will lead to

viable instruments for development planning.

The issues in Cameron Highlands can best be described as the integration of issues related to water, food and energy.

This water, food and energy nexus is now a subject of serious

study at IIASA.

Through the systems approach it would not be difficult to formulate a viable plan to redevelop the highland resort.

With the right implementation of the subsequent plan, it will help reverse the vicious cycle that the

highland is now trapped in.

This is the scientific way to ensure a sustainable development of the resort.

Science can rekindle the true tourism potential of Cameron Highlands. The Academy is ready to contribute.